



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## SIARAN MEDIA

### **KUSKOP PERKASA EKONOMI KOMUNITI SABAH: RM1 JUTA UNTUK BINA BAZAR USAHAWAN MASJID**

---

**PAPAR, 7 MAC**—Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) terus memacu agenda pemeraksanaan ekonomi rakyat di Sabah melalui Majlis Pecah Tanah Pembinaan Bazar Usahawan Masjid bertempat di Masjid Jamek Haji. Said Derun, Kampung Malagui Kelatuan, hari ini.

Projek strategik yang melibatkan peruntukan berjumlah RM1 juta ini bakal dilaksanakan oleh UDA Holdings dan dijangka memberi manfaat langsung kepada sekurang-kurangnya 20 usahawan mikro tempatan. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada Program Pembangunan Premis Tamu Desa yang bertujuan mengangkat martabat penjaja dan peniaga kecil di kawasan luar bandar.

Langkah ini mencerminkan komitmen KUSKOP dalam mengangkat martabat penjaja kecil melalui penyediaan premis yang lebih teratur dan sistematik. Kerjasama strategik KUSKOP bersama Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dalam penggunaan tanah wakaf masjid juga membuktikan sinergi antara agensi kerajaan dan institusi agama demi kemaslahatan komuniti.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Mohamad bin Alamin berkata “Saya mahu projek ini disegerakan agar komuniti usahawan kariah masjid dapat menikmati faedah pembangunan ini dengan lebih awal. Bagi memastikan kelestarian pengurusan, saya menyarankan penubuhan Koperasi Kariah Masjid untuk menguruskan bazar ini secara profesional dengan bimbingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa)”.

Selain itu, YB Timbalan Menteri turut menyantuni golongan asnaf menerusi sesi penyampaian sumbangan Aidilfitri. Seramai 500 orang asnaf telah menerima sumbangan berbentuk wang tunai melibatkan jumlah keseluruhan berjumlah RM50,000.00. Dalam majlis yang sama, sebanyak 8 buah masjid dan 38 buah surau telah menerima sumbangan dengan nilai keseluruhannya berjumlah RM84,000.00. Sumbangan yang disampaikan ini diharapkan sedikit sebanyak dapat membantu bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti pengimarahkan masjid dan memperkasakan institusi keagamaan dengan memastikan penyelenggaraan infrastruktur masjid/sarau sentiasa di tahap yang terbaik serta kondusif untuk kesejahteraan masyarakat setempat.

Penganjuran program seumpama ini jelas mencerminkan komitmen kolektif KUSKOP bersama pelbagai agensi seperti Pusat Khidmat Kontraktor, SKM, TEKUN Nasional, Bank Rakyat, AIM, IKMA, INSKEN, SME Bank, SME Corp, PERNAS, UDA Holdings, ANGKASA dan Co-opbank Pertama dalam mendekati serta menyumbang bakti kepada komuniti setempat.

KUSKOP komited memperkukuh peranan strategik dalam membina ekosistem keusahawanan dan koperasi yang lebih dinamik, bagi memastikan komuniti usahawan dan gerakan koperasi kekal berdaya tahan serta mampu mendepani cabaran ekonomi masa hadapan.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**7 MAC 2026**